

## Haji Mohamed Haji Ali

### IMAM JALALUDDIN AS-SAYUTI

**I**MAM sayuti adalah ulama besar dalam Mazhab Shafie. Lahir tahun 849 Hijrah. di Asiyut, Mesir dan wafat tahun 199 Hijrah.

Karangan beliau dianggarkan sebanyak 500 kitab dalam bermacam-macam ilmu pengetahuan Islam seperti tafsir, hadis, fiqah, hushalah, nahu, usul, bayan, sejarah, adab, kedokteran dan lain-lain.

Di antara karangan beliau ialah:

- Syarah Kitab Hadis Nisai.
- Syarah Kitab Hadis Muwatta' Imam Malik.
- Separuh dari Tafsir Jalalen.
- Al-Itqan fi Ulumulquran.
- Al-Asybah wan Nazair.

Apabila ditanya orang tentang amalan Maulud Nabi pada bulan Rabiulawal, apakah hukumnya menurut syarak, apakah pekerjaan itu dipuji atau dicela, apa si perlakunya diberi pahala atau tidak?

Jawab beliau: “Ibadat macam itu adalah bidaah Hasanah (bidaah baik) yang diberi pahala mengerjakannya kerana dalam amal ibadat itu terdapat suasana membesarkan Nabi, melahirkan kesukaan dan kegembiraan atas lahirnya Nabi Muhammad *saw* yang mulia.”

### IMAM IBN HAJAR AL-ASQALANI DAN AS-SAYUTI

Jalaludin al-Suyuti telah menulis di dalam kitab beliau, *Hawi li al-Fatawa*, Sheikhu Islam dan Imam Hadith pada zamannya, Ahmad ibn Hajar (Asqalani) telah ditanya mengenai perbuatan menyambut Maulid Rasul dan beliau telah memberi jawapan secara bertulis:

“Adapun perbuatan menyambut Maulid Rasul (*saw*) merupakan bidaah yang tidak pernah diriwayatkan oleh para Salafussoleh pada 300 tahun pertama selepas hijrah. Walaubagaimanapun, ia penuh dengan kebaikan dan perkara-perkara yang terpuji dan

kadangkala ia dicatatkan oleh perbuatan-perbuatan yang tidak sepatutnya.

“Jika sambutan itu terpelihara dari pada perkara-perkara yang melanggar shariat maka ia tergolong di dalam perbuatan bidaah hasanah tetapi jika sambutan tersebut terselit perkara-perkara yang melanggar shariat maka ia tidak tergolong di dalam bidaah hasanah.

“Untuk menjadi dalil bagi sambutan Maulid Rasul (*saw*), hadith di bawah ini boleh digunakan, ia merupakan hadith riwayat Imam Bukhari dan Muslim.

“Semasa Nabi berada di Madinah, beliau mendapati bahawa kaum Yahudi berpuasa pada hari ke-10 Muharram (Ashura) dan Baginda (*saw*) bertanya akan perbuatan mereka, kata mereka, mereka berpuasa kerana pada hari tersebut, Nabi Musa telah diselamatkan dan Firaun telah ditenggelamkan. Kami berpuasa untuk menyatakan kesyukuran kami. Perkara ini menjadi dalil bagi kita untuk menyatakan kesyukuran kita kerana Dia telah merahmati hari tersebut dan menjauhkan bala, seseorang sepatutnya bersyukur akan datangnya hari tersebut pada setiap tahun, bersyukur melalui pelbagai jenis ibadah seperti solat, memberi sedekah, membaca Quran.”

### SAYID AHMAD BIN ZAINI DAHLAN

Berkata Sayid Ahmad bin Zaini Dahlan, Mufti Mazahab Syafie di Mekah di dalam kitab *Siratun Nabi*:

“Telah berlaku kebiasaan bahawa orang apabila mendengar kisah Nabi dilahirkan, maka ketika Nabi lahir itu mereka berdiri bersama-sama untuk menghormati dan membesarkan Nabi Muhammad *saw*. Berdiri itu adalah hal yang mustahsan (baik) kerana dasarnya ialah membesarkan Nabi Muhammad *saw* dan sesungguhnya telah mengerjakan hal serupa itu banyak dari ulama-ulama ikutan umat.” (*Ianatul Talibin, juzu III muka surat 363*).

Sayid Zaini Dahlan wafat tahun 1304 Hijrah, di antara karangan beliau ialah:

- Al-Futuhatul Islamiyah.